

adalah sebanyak 4Mbps dan bergantung kepada jumlah pengguna yang menggunakan perkhidmatan KTW1M pada masa yang sama. KTW1M bertujuan untuk menyediakan capaian internet tanpa wayar secara kolektif (Wi-Fi) kepada penduduk luar bandar, terutamanya di kawasan yang kurang liputan.

Selain itu, di kawasan Parlimen Beruas, terdapat perkhidmatan jalur lebar Streamyx dengan kelajuan sehingga 8 Mbps disediakan melalui 4 buah ibu sawat di Ayer Tawar, Beruas, Changkat Kruing dan Pantai Remis telah ditawarkan oleh pemberi perkhidmatan TM. Kelajuan perkhidmatan internet di kawasan tersebut tertakluk kepada jarak dan keupayaan teknikal dan juga lokasi permohonan. Setakat ini, jumlah *port* yang telah dipasang di semua ibu sawat yang dinyatakan adalah berjumlah 6,800 buah *port* dan daripada jumlah tersebut, 4,600 buah *port* telah dilanggan.

Selain itu, sehingga bulan Oktober 2014, anggaran Kadar Penembusan Jalur Lebar talian tetap adalah pada kadar 16% dan anggaran liputan talian tetap adalah di sekitar 56.4%. Tiada perkhidmatan HSBB di Parlimen Beruas buat masa ini.

Di bawah seliaan SKMM, TM akan melaksanakan kerja-kerja menaik taraf perkhidmatan jalur lebar di kawasan Parlimen Beruas secara berperingkat akan bermula pada tahun 2015 untuk membolehkan pengguna menikmati perkhidmatan jalur lebar yang lebih baik.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN BERTULIS : DR. KO CHUNG SEN [ KAMPAR ]  
DARIPADA**

**JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PENDIDIKAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN BERTULIS**

**Dr. Ko Chung Sen [ Kampar ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan bilangan doktor yang sudah dan akan menamatkan pengajian dari :-

- a) universiti awam dari 5 tahun yang lepas ke 5 tahun akan datang; dan
- b) universiti swasta dari 5 tahun yang lepas ke 5 tahun akan datang.

**JAWAPAN**

Jawapan (a) dan (b)

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Di institusi pengajian tinggi awam (IPTA), terdapat seramai 3,927 orang graduan perubatan bagi tahun 2012 hingga 2013 dengan pecahan bagi tahun 2012 ialah 1,900 orang dan bagi tahun 2013 ialah 2,027 orang. Di institusi pengajian tinggi swasta (IPTS) pula, terdapat seramai 1,725 orang graduan perubatan bagi tahun 2013 hingga 2014 dengan pecahan bagi tahun 2013 ialah 1,115 orang, manakala bagi tahun 2014 ialah 610 orang.

Bilangan doktor yang akan menamatkan pengajian di IPTA dan IPTS bagi lima (5) tahun akan datang adalah berdasarkan kepada kuota pelajar perubatan yang diberikan oleh Majlis Perubatan Malaysia.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM  
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : YB DR. KO CHUNG SEN [ KAMPAR ]**

**SOALAN :**

**YB DR. KO CHUNG SEN [ KAMPAR ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan bilangan jawatan yang tersedia untuk latihan pegawai perubatan siswazah di hospital universiti dan kerajaan setiap tahun.

**Tuan Yang Dipertua,**

Sehingga 31 Ogos 2014, terdapat 10,803 jawatan bagi Pegawai Perubatan Siswazah (PPS) di Malaysia, di mana 10,360 jawatan di Hospital Kementerian Kerajaan Malaysia (KKM) dan 443 jawatan di Hospital Universiti.

## **1. Perjawatan PPS UD41**

- 1.1. Sehingga **31 OGOS 2014** terdapat **10,803** jawatan **UD41** bagi Pegawai Perubatan Siswazah (PPS) di Malaysia, di mana **10,018** jawatan telah diisi (**92.7 peratus**) dan masih mempunyai sebanyak **785** jawatan **UD41** yang kosong bagi PPS.
- a) Bilangan penjawatan PPS di Hospital Latihan siswazah KKM dan Hospital Universiti.

| HOSPITAL                      | BIL       | J             | I(HO)         | K          |
|-------------------------------|-----------|---------------|---------------|------------|
| Hospital Latihan Siswazah KKM | 40        | 10,360        | 9592          | 768        |
| Hospital Universiti           | 3         | 443           | 426           | 17         |
| <b>JUMLAH</b>                 | <b>43</b> | <b>10,803</b> | <b>10,018</b> | <b>785</b> |

- 1.2. Setelah menamatkan latihan siswazah dengan jayanya, PPS akan diiktiraf menjadi Pegawai Perubatan (MO) dan dinaikkan pangkat ke UD44, seterusnya akan mengosongkan kembali jawatan UD41 bagi PPS untuk diisi oleh lantikan PPS yang baru.
- 1.3. Namun begitu, pengisian jawatan PPS di Hospital Latihan Siswazah di Lembah Klang dan bandar-bandar besar adalah lebih ramai berbanding hospital-hospital luar bandar.
- 1.4. KKM sedang merangka pelan strategi supaya pengisian jawatan tersebut adalah mengikut kekosongan semasa di mana sekiranya graduan Perubatan berhasrat untuk memohon bagi ditempatkan di hospital-hospital di luar bandar, maka penempatan beliau adalah lebih cepat berbanding graduan

yang memohon untuk ditempatkan di hospital-hospital Lembah Klang dan hospital dalam bandar yang secara lazimnya mempunyai lebih ramai PPS.

- 1.5. Permohonan pertambahan penjawatan untuk PPS daripada pihak JPA secara berkala di Hospital-hospital Universiti. Pada ketika ini terdapat 120 jawatan di Universiti Sains Malaysia, 130 jawatan di Pusat Perubatan Universiti Kebangsaan Malaysia, dan 193 jawatan di Pusat Perubatan Universiti Malaya